



YAYASAN NEGERI SEMBILAN

KENYATAAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal bumiputera/bukan bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

TENDER MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MENTAULIAH DAN MENYELENGGARA (DALAM TEMPOH JAMINAN) KOMPUTER RIBA DI YAYASAN NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN 2025

NO. TENDER	KOD BIDANG	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH TUTUP
YNS/T/BIL.1/2025	210101 210103	4 FEBRUARI 2025 (SELASA) 10.00 Pagi Bilik Mesyuarat Tingkat 7, Yayasan Negeri Sembilan, Bangunan Yayasan Negeri Sembilan, Jalan Yam Tuan, 70000 SEREMBAN	18 FEBRUARI 2025 (RABU) (Sebelum 12.00 Tengah Hari)

1. Pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan mengambil dokumen: -

Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

2. Satu (1) salinan sijil-sijil di atas hendaklah dikemukakan untuk simpanan **Yayasan Negeri Sembilan**. **Yayasan Negeri Sembilan** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan **Yayasan Negeri Sembilan** tidak layak.

3. Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Perkhidmatan di atas tanggungjawab pembekal.

4. **Yayasan Negeri Sembilan** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **Yayasan Negeri Sembilan** berhak membatal atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

5. Dokumen tender yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan **No. Tender** dan **Tajuk Perkhidmatan** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** seperti alamat di bawah:-

Pengarah

Yayasan Negeri Sembilan
Tingkat 11, Bangunan Yayasan Negeri Sembilan
Jalan Yam Tuan
70000 Seremban

Pada atau sebelum tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari

6. Jika tender dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul **12.00 tengah hari**. Sebarang kelewatian yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

7. Dokumen tender boleh dibeli di kaunter Bahagian Kewangan Yayasan Negeri Sembilan, Tingkat 11 dengan bayaran berjumlah RM100.00. Sebarang pertanyaan berkenaan dokumen tender boleh menghubungi Pn. Siti Adibah Binti Adnan atau En. Jaka Sari Bin Jamaludin di talian 06-762 8046.